

Penjara 16 tahun

Warga Indonesia masuk Malaysia untuk rompak kena 6 sebatan

Harian metro 26/05/2010 19

MAHKAMAH



>>Oleh Meor Riduwan
Meor Ahmad

mriduwan@hmetro.com.my

MELAKA: Seorang pendatang tanpa izin warga Indonesia cedera di tangan kiri akibat ditembak ketika merompak sebuah keluarga di A Famosa Resort, Alor Gajah April lalu dijatuhi hukuman penjara 16 tahun dan enam sebatan Mahkamah Sesyen, di sini, semalam selepas mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan merompak.


Hakim Zaharah Hussain menjatuhkan hukuman itu terhadap Edy Shahputra, 37, dari Jawa Timur, Indonesia selepas meneliti fakta kes, rayuan dan hujahan pendakwa.

Dalam penghakimannya, Zaharah turut memberi peringatan kepada tertuduh supaya benar-benar insaf dan tidak mengulangi jenayah sama pada masa depan.

Bagi pertuduhan pertama, Eddy Shahputra dituduh bersama-sama tiga yang masih bebas merompak telefon bimbit Sony Ericsson K 750 I milik E Poh Chuan, 30, di Lot 288, Jalan Tulip, A Famosa Resort, Simpang Ampat, Alor Gajah kira-kira jam 5 pagi pada 26 April lalu.

Dia dituduh mengikut Seksyen 395 dan Seksyen 397 Kanun Keseksaan, di mana sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara 20 tahun dan sebatan.

Bagi pertuduhan kedua, dia bersama-sama tiga masih bebas dituduh rompakkan berkumpulan terhadap Lau Seong Teck, 55, di Kilometer 1825, Jalan TKP 1, Taman



TERTUDUH...Eddy di luar Mahkamah Sesyen Melaka, semalam

Kelelak Perdana, Alor Gajah, kira-kira jam 4 pagi pada 11 Mac lalu dan mengambil pelbagai barangan kemas iaitu dua bentuk cincin, rantai, gelang, sepasang anting-anting serta tiga telefon bimbit Nokia.

Zaharah menjatuhkan hukuman penjara lapan tahun dan tiga sebatan bagi setiap pertuduhan dan memerintahkan berjalan berasingan.

Fakta kes pertama menunjukkan pada tarikh kejadian, tertuduh bersama tiga rakannya memasuki rumah E Lai Choon di Lot 288, Jalan Tulip, A Famosa Resort melalui pintu dapur yang diumpil.

Tertuduh bersenjatakan pisau yang diambil daripada dalam rumah, manakala rakannya membawa alat pemotong besi dan seorang lagi menggunakan tong gas di dapur.

Mereka pergi ke bilik anak Poh Chuan yang tidur bersama isteri dan anaknya sebelum rakan tertuduh memecahkan pintu menggunakan tong gas.

Rakan tertuduh berjaya memecahkan sebahagian pintu sebelum mereka masuk ke dalam bilik dan tertuduh mengacukan pisau ke arah mangsa manakala dua rakannya berada di luar.

Tertuduh mengikat mangsa

menggunakan wayar elektrik dan mengambil telefon bimbitnya sebelum mereka mendengar bunyi tembakan dari arah luar bilik.

Dua rakannya melarikan diri dan tertuduh ditembak di lengan kiri oleh pengadu sebelum dia terjun melalui tingkap di bilik anak mangsa.

Mangsa membuat laporan dan sepasukan polis diketuai Asisten Superintendan Mohd Khairiel Mohd Arif menjejaki dan menahan tertuduh melalui kesan darah sehingga terjumpa dia terbaring berlumuran darah.

Bagi kes kedua, tertuduh dan tiga rakannya juga menggunakan modus operandi sama memecah masuk ke rumah mangsa melalui pintu dapur yang diumpil sebelum menuju ke bilik mangsa, Seong Teck yang tidur dalam bilik bersebelahan bilik anaknya.

Isteri mangsa, Pang Sow Yong tersedar dan mengejutkan mangsa sebelum dia menjerit melihat tertuduh dan tiga rakan dalam bilik.

Tertuduh dan rakannya kemudian mengikat mangsa, isteri dan anak, Lau Sheau Shian menggunakan wayar elektrik sebelum menggedah keseluruhan rumah.

Selepas mengambil barangan kemas, tertuduh dan rakannya melarikan diri melalui pintu hadapan menggunakan kunci rumah turut dilarikan.

Mangsa yang melepaskan diri mendapatkan bantuan orang ramai serta membuat laporan polis dan hasil pengesanan cap jari di dalam rumah menjumpai beberapa kesan cap jari tertuduh dan pengadu turut mengecamnya ketika kawad cam.

Ketika merayu hukuman ringan, tertuduh mendakwa memasuki negara ini secara haram sejak lima tahun lalu memohon hukuman penjara dan sebat dikurangkan.